



- 1. JURUTEKNOLOGI MAKMAL  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
M.11 (\$1,920 - \$3,250 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = 2**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

- a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Makmal Klinikal / *Microbiology* / *Haematology* / *Biochemistry* / *Histology* / *Cytology* / *Virology* / *Immunology* / *Biotechnology* / *Blood Transfusion* / *Medical Technology* / *Biomedical Science* atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- ii) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Makmal Perubatan serta sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- iii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Ketua Juruteknik Makmal dalam tanggagaji M.9 EB.10 atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji M.9 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 7 tahun.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUTEKNOLOGI MAKMAL:**

1. Bertanggungjawab dalam menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan ujian diagnostik melalui pemeriksaan makmal dan apa-apa tugas yang diarahkan oleh Ketua Pegawai Saintifik.
2. Bertanggungjawab memastikan kesempurnaan kajian makmal dengan mengawasi pengawalan mutu kajian makmal yang dikendalikan.
3. Bertanggungjawab membantu membaharui atau memperbaiki atau memperkenalkan kajian makmal yang tertentu.
4. Membantu mengendalikan latihan atau kursus ulangkaji bagi kakitangan Makmal serta penuntut-penuntut yang sedang menjalani latihan penempatan di Bahagian Makmal berkenaan.
5. Bertugas secara 'On-Call' atau panggilan kecemasan di luar waktu-waktu pejabat dan pada hari-hari kelepasan awam menurut jadual yang ditetapkan oleh Bahagian Makmal.
6. Menangani dan mengawasi mesin-mesin pemantauan di bahagian tempat bertugas termasuk kerosakan, *calibration*, *trouble-shooting* dan *maintenance*.
7. Menyediakan laporan sulit / prestasi kerja bagi kakitangan bawahan.
8. Bersedia untuk ditempatkan dan bertugas di mana-mana makmal di keempat-empat daerah.
9. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.